

09 AUG 1996

Taib

DEWAN UNDANGAN NEGERI SARAWAK DIJANGKA BUBAR AKHIR OGOS

KUCHING, 9 Ogos (Bernama) -- Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud membayangkan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak akan dibubarkan akhir bulan ini bagi membolehkan pilihan raya negeri diadakan.

Katanya beliau perlu berbincang mengenai perkara itu sekali lagi dengan Perdana Menteri selepas lawatan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke China.

Dr Mahathir akan berlepas ke Beijing pada 24 Ogos untuk lawatan rasmi empat hari.

"Saya perlu berbincang perkara ini dengan Perdana Menteri dan pertemuan kami hanya dapat diaturkan selepas beliau balik dari China," katanya kepada pemberita selepas menghantar Dr Mahathir pulang ke Kuala Lumpur di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching di sini.

Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali melakukan lawatan kerja tiga hari ke negeri ini yang antara aturcara lawatan mereka melancarkan Kempen Gerak Mesra peringkat negeri di Mukah.

Ditanya kenapa beliau belum membubarkan dewan walaupun Barisan Nasional (BN) negeri sangat kuat sekarang, Abdul Taib berkata beliau belum bersedia untuk menghadapi pilihan raya.

"Anda (pemberita) nampaknya sudah bersedia tetapi hanya saya seorang nampaknya tidak. Lagi pun saya tidak mahu pembangkang menuduh saya memerangkap mereka dengan membubarkan dewan tergesa-gesa.

"Sekarang saya beri banyak amaran (tentang tarikh pilihan raya)... saya akan menemui PM akhir bulan bagi mengadakan pilihan raya," katanya.

Abdul Taib juga berkata semua parti sudah mengemukakan senarai calon kepada beliau dan senarai itu akan dikemukakan kepada Perdana Menteri dalam pertemuan itu nanti.

Katanya memang terdapat ramai muka baru yang akan dikemukakan untuk bertanding dalam pilihan raya kali ini termasuk tidak kurang daripada enam orang dari Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) yang diterajunya.

"Seorang calon wanita adalah calon baru PBB...tetapi belum boleh umum sekarang... Begitu juga parti-parti komponen yang lain nama calon akan diumumkan oleh ketua parti masing-masing apabila tiba waktunya," katanya.

Pilihan raya negeri Sarawak perlu diadakan sebelum tempoh Dewan Undangan Negeri yang ada sekarang berakhir pada 28 Nov. -- BERNAMA.

MT RON